

TAHAP PENGETAHUAN MASYARAKAT TERHADAP KEGANASAN RUMAH TANGGA DI IPOH, PERAK

(Level of Knowledge among Community against on Domestic Violence in Ipoh, Perak)

Nuruaslizawati Ayob, Siti Hajar Abdul Rauf & Nurwahidatul Aula Ahmad Sazali

ABSTRAK

Fenomena keganasan rumah tangga kini seolah-olah menjadi “trend” dan telah menjadi kebingungan dalam sosial komuniti. Isu ini sukar menjelaskan siapa pelaku atau siapa mangsa. Keganasan bukan sahaja berlaku secara fizikal tetapi juga dalam bentuk seksual, ekonomi dan emosi. Keadaan ini menyebabkan mangsa merasa tidak berdaya dan sentiasa hidup dalam ketakutan. Justeru satu kajian mengenai keganasan rumah dilakukan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan responden tentang isu ini. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif melalui kaedah tinjauan. Kajian melibatkan seramai 200 orang responden di negeri Ipoh yang telah dipilih secara rawak mudah menggunakan teknik persampelan bertujuan. Data dikumpul melalui edaran borang soal selidik. Data yang diperolehi melalui soal selidik dikumpul, dikodkan dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 22. Analisis dijalankan menggunakan analisis diskriptif untuk mengukur skor min dan sisihan piawai. Hasil kajian menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap pengetahuan tinggi. Namun begitu, keganasan rumah tangga semakin meningkat saban tahun kerana kurangnya pendedahan masyarakat terhadap hak yang boleh di perjuangkan jika seseorang itu mengalami keganasan rumah tangga. Semua pihak seperti keluarga, ibu bapa, rakan, NGO dan pihak kerajaan perlu memainkan peranan masing-masing dengan menyebarkan kesedaran dan kefahaman dalam kalangan ahli keluarga dan masyarakat untuk bersama-sama menangani kes keganasan rumah tangga.

Kata kunci: keganasan rumah tangga; tahap pengetahuan; keganasan fizikal; keganasan emosi; keganasan ekonomi; keganasan seksual

ABSTRACT

The phenomenon of domestic violence now seems to be a "trend" and has become a concern in the social community. This issue is difficult to explain who the perpetrator is or who the victim is. Violence occurs not only physically but also in sexual, economic and emotional forms. This situation causes the victim to feel helpless and always live in fear. Thus a study on domestic violence was conducted to identify the level of knowledge of respondents on this issue. This study uses quantitative design through survey method. The study involved a total of 200 respondents in the state of Ipoh who were randomly selected using simple sampling techniques. Data were collected through the distribution of questionnaires. Data obtained through questionnaires were collected, coded and analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 22 software. The analysis was conducted using descriptive analysis to measure the mean score and standard deviation. The results show that the respondents have a

high level of knowledge. However, domestic violence is increasing every year due to the lack of public exposure to the rights that can be fought for if a person experiences domestic violence. All parties such as family, parents, friends, NGOs and the government need to play their respective roles by spreading awareness and understanding among family members and the community to jointly deal with cases of domestic violence.

Keywords: Domestic violence; knowledge level; physical abuse; emotional abuse; economic abuse; sexual abuse

PENGENALAN

Perkahwinan merupakan sebuah ikatan yang dilahirkan dari rasa cinta antara lelaki dan perempuan. Setiap pasangan yang berkahwin mengharapkan hubungan yang dibina berkekalan sepanjang hayat. Keluarga merupakan tunjang utama dalam mensosialisasikan kehidupan yang bahagia. Kebahagiaan dan keharmonian dalam rumah tangga merupakan kunci untuk mewujudkan kedamaian. Selain memberi sokongan keselamatan dan emosi, keluarga juga berperanan menyediakan persekitaran yang selamat kepada ahli-ahlinya. Ini kerana, keluarga dianggap sebagai syurga cinta dan sokongan kepada setiap ahlinya. Keluarga berperanan dalam membentuk peribadi anak-anak bermula dari zaman kanak-kanak. Pada hari ini, institusi kekeluargaan semakin meruncing. Saban tahun negara mencatatkan angka penceraian dan kes keganasan rumah tangga yang membimbangkan. Kemusnahan dalam sesebuah institusi kekeluargaan wujud apabila pasangan mula melakukan kezaliman dan mengabaikan tanggungjawab kepada pasangan. Ketidaksefahaman dalam rumah tangga, perbezaan latar belakang, masalah ekonomi, cemburu, penyalahgunaan bahan terlarang, masalah mental, dan kurangnya pegangan agama dalam kehidupan menyebabkan keganasan berlaku.

Keganasan rumah tangga merujuk kepada corak tingkah laku kasar dan telah diiktiraf sebagai satu masalah sosial dalam masyarakat. Keganasan rumah tangga merupakan satu isu jantina; yang berlaku dalam sebuah keluarga yang tidak menjelaskan sepenuhnya siapa pelaku atau mangsa. Keganasan rumah tangga berlaku dalam pelbagai etnik, kelompok sosial, ekonomi, agama, tetapi di pandang berbeza dari aspek negara atau budaya (Tonsing 2014). Satu daripada tiga wanita (30%) di seluruh dunia melaporkan telah mengalami beberapa keganasan sama ada keganasan fizikal dan/atau seksual oleh pasangan sepanjang hidup (WHO 2017). Statistik Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dari tahun 2000 hingga 2017 menunjukkan sebanyak 62,670 kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan (Dewan Negara 2017; PDRM 2019). Kes ini telah direkodkan sebagai bentuk keganasan tertinggi terhadap wanita di Malaysia dalam tempoh masa sedekad.

Menurut Elabani (2015) penguasaan lelaki dalam aspek kehidupan adalah meliputi ekonomi, sosial, politik, budaya/agama. Dinamik bagi sesuatu keganasan antara lelaki dan perempuan adalah berbeza. Kepercayaan bahawa lelaki mempunyai peranan yang lebih berbanding wanita masih wujud dalam masyarakat (Yusoff 2010). Namun begitu, pengaruh jantina dan budaya memainkan peranan penting dalam membuat keputusan. Meskipun tradisi budaya asia menyifatkan perbuatan ganas sebagai satu perbuatan yang salah, namun stigma masyarakat yang mengagungkan lelaki dan takut akan perceraian telah menghalang wanita daripada mencari bantuan. Keadaan ini menjejaskan wanita dari semua peringkat umur dan latar belakang. Kuasa dan kawalan ke atas wanita, menafikan hak undang-undang, hak untuk mengakses sumber dan mengiktiraf penstrukturan kekeluargaan turut dianggap sebagai keganasan. Bagi konteks Malaysia, peratusan penerimaan wanita terhadap keganasan

melibatkan isteri menunjukkan wanita mempercayai bahawa apabila mereka telah berkahwin, mereka “dimiliki” oleh suami dan adalah hak suami untuk memukul isterinya dengan alasan tertentu (Khaironisak et al 2017).

Menurut Hausman et al. (2011) terdapat jurang pemisah antara lelaki dan wanita. Lelaki dilihat lebih mendominasi sesuatu jawatan tidak kira dalam bidang pekerjaan, keagamaan atau dalam masyarakat umum manakala wanita yang telah berumah tangga dilihat lebih sebagai suri rumah tangga untuk menjaga dan mengasuh anak-anak. Tambahan pula, sifat rendah diri, tidak tegas, kurang keyakinan diri, kemahiran sosial yang rendah, sejarah penyalahgunaan semasa kanak-kanak, pengambilan bahan terlarang, dan pergantungan hidup yang tinggi kepada pasangan merupakan punca keganasan dalam rumah tangga. Ketidakseimbangan kuasa yang dikekalkan menggunakan teknik kawalan sendiri sama ada berbentuk fizikal, seksual, ekonomi, psikologi menyebabkan mangsa berada dalam ketakutan (Randawar & Jayabalan 2018). Malah, kebanyakan wanita memilih untuk menderita secara diam daripada berhadapan stigma masyarakat mengenai status ibu atau bapa tunggal atau perceraian (Othman et al 2014).

SOROTAN LITERATUR

Keganasan rumah tangga dianggap sebagai wabak senyap tetapi meninggalkan impak yang luar biasa bukan sahaja terhadap morbiditi dan kematian tetapi juga kepada sumber kehidupan lain. Siemieniuk et al (2010) menyatakan terdapat pelbagai jenis bentuk keganasan rumah tangga seperti keganasan fizikal/serangan/ancaman; keganasan seksual; keganasan emosi; ugutan; pengabaian; dan ekonomi. Kajian Oluremi (2015) menyatakan pertambahan bentuk keganasan iaitu keganasan rohani; bentuk keganasan pasif dan sosial. Keganasan rumah tangga ditakrifkan sebagai satu keganasan yang mencirikan kelaziman yang mendatangkan kecederaan atau mungkin menyebabkan kecederaan tidak kira sama ada fizikal, seksual atau emosi. Keganasan melibatkan sentuhan, serangan, gangguan, kekejaman fizikal dan mental, atau apa-apa tingkah laku yang memberi kesan kepada mangsa. Kebanyakan wanita menjadi mangsa keganasan dari segi psikologi atau fizikal, yang mana membawa kepada masalah kesihatan yang serius (Flury & Nyberg 2010). Manakala lelaki yang menjadi mangsa penderaan dilihat mengalami masalah mental, tekanan dan stress daripada beberapa aspek psikologi. Pengalaman keganasan sering kali berlaku “disebalik tabir”. Keadaan ini bukan sahaja membawa kesan buruk kepada mangsa, tetapi juga persekitarannya.

Fiore Lerner dan Kennedy (2000) menyatakan seramai 18% - 74% wanita yang menjadi mangsa keganasan ini kembali menjalin hubungan dengan pemangsa walaupun didera dengan teruk. Kesannya, lebih kurang 80% daripada wanita tersebut suka menyendiri, tidak bergaul dan pasif atau lebih dikenali sebagai *schizoid personality* (Fiore Lerner & Kennedy 2000). Tambahan pula, sifat rendah diri, tidak tegas, kurang keyakinan diri, kemahiran sosial yang rendah, sejarah penyalahgunaan semasa kanak-kanak, pengambilan bahan terlarang, dan pergantungan hidup yang tinggi kepada pasangan merupakan punca keganasan. Disebabkan personaliti ini, mereka lebih mudah menerima sahaja penderitaan akibat keganasan daripada mengambil langkah keluar dari situasi tersebut.

Merujuk kepada statistik keganasan rumah tangga di Malaysia 2017, seramai 74 % mangsa keganasan rumah tangga ialah wanita dan 26 % ialah lelaki. Kajian yang dilakukan Saffari et al (2017) menunjukkan semua wanita tanpa mengira umur, status perkahwinan, bilangan anak, tahap pendidikan, dan status pekerjaan, penyalahgunaan bahan, dan status ekonomi lebih berisiko terhadap semua bentuk keganasan. Elabani (2015) pula menyatakan

kebanyakan wanita lebih cenderung melaporkan keganasan selepas mereka berpisah atau bercerai, sedangkan keganasan berlaku semasa dalam tempoh berumah tangga.

Keganasan fizikal merupakan satu tindakan yang terdiri daripada serangan fizikal. Keganasan fizikal merupakan keganasan yang paling umum dan sukar disembunyikan kerana mempengaruhi penampilan serta mengakibatkan kematian baik kepada lelaki mahupun perempuan. Menurut McCue (2008) keganasan fizikal kebiasaannya bermula dari tindakan yang kecil seperti mencubit untuk menimbulkan rasa sakit diikuti tingkah laku yang lebih teruk. Tingkah laku ini merujuk kepada perbuatan kasar seperti menendang, menyepak, memukul, mencekik, melemparkan objek, mengancam atau menggunakan senjata. Tingkah laku ini bertujuan untuk menimbulkan rasa sakit dan kesannya dapat dilihat secara visual dan jelas seperti lebam, luka, patah, melecur dan lain-lain. Menurut Roberts (2018) perbuatan menakutkan atau membahayakan seseorang dengan niat, memberi ancaman yang merujuk kepada lisan atau fizikal untuk menimbulkan kemudaratan yang dipercayai mampu melemahkan wanita dianggap keganasan fizikal. Perbuatan atau ancaman serangan fizikal dilakukan adalah bertujuan untuk menakutkan dan mengawal pasangan. Hwang (2017) menyatakan keganasan fizikal yang sering berlaku dalam kalangan wanita disebabkan oleh tahap pendidikan yang rendah, pasangan tidak bekerja dan sistem sokongan sosial yang terhad.

Berbeza pula dengan keganasan emosi. Keganasan emosi ditakrifkan sebagai sebarang perbuatan yang merosakkan harga diri, identiti diri, kesihatan dan perkembangan seseorang. Keganasan emosi boleh terjadi secara lisan atau bukan lisan (Slabbert & Green 2013). Keganasan emosi turut dikenali sebagai keganasan psikologi dan dilihat sebagai keganasan yang kekal dan berterusan. Keganasan emosi bertujuan untuk memanipulasi dan menghina melalui pelbagai corak (Zabihzadeh et al 2015). Keganasan emosi muncul dalam pelbagai seperti mengejek, memperkecil, mengkritik, membohong, menipu dan memandang rendah terhadap mangsa. Menurut Sanderson (2008) keganasan ini sukar dilihat dari pandangan mata kasar kerana tanda-tanda yang kelihatan tidak seperti keganasan fizikal. Ini kerana, luka keganasan emosi adalah lebih mendalam daripada luka akibat daripada tamparan atau pukulan. Menurut Slabbert dan Green (2013) wanita yang mengalami keganasan rumah tangga kerap menerima maklum balas negatif dari pasangan mereka mengenai kekurangannya dari pelbagai aspek seperti perwatakan, kebolehan, daya tarikan dan personaliti. Akibat daripada keganasan emosi, seseorang mungkin menganggap dirinya tidak berguna, hilang harga diri dan mengalami tekanan perasaan yang teruk. Malahan, sesetengah mangsa keganasan emosi memberi kesan kepada mental.

Keganasan seksual dalam rumah tangga di Malaysia sebenarnya adalah realiti. Kebanyakan kes keganasan seksual berlaku di dalam institusi kekeluargaan yang mana dilakukan oleh suami dan bukannya pihak luar. Keganasan seksual ditakrifkan sebagai apa-apa jenis hubungan yang tidak diinginkan atau kelakuan seksual yang dilakukan secara paksa, ancaman atau menggunakan kekerasan. Isu ini dianggap sensitif dan tabu; iaitu sesuatu yang dilarang (Postmus & Hahn 2007). Keganasan seksual merujuk kepada apa-apa bentuk aktiviti seksual atau sentuhan tanpa persetujuan mangsa. Tingkah laku ini merupakan perbuatan yang kasar dan sering terjadi dalam hubungan heteroseksual. Menurut NurFadhilah (2014) keganasan seksual dimulai dengan sikap yang cenderung memperlakukan isteri secara kasar sama ada secara sengaja atau tidak sengaja, mengancam dan mengugut sehingga menyebabkan gangguan emosi dan psikologi terhadap mangsa akibat makian dan celaan. Perkara ini juga dilihat mempunyai pengaruh dengan keinginan seksualiti lelaki dan keperluan biologi yang perlu dipenuhi. Weiss (2009) mendapati bahawa ini menjadi “tugas” atau “peranan” bagi wanita dalam hubungan intim bagi memastikan kepuasan seksual pasangan lelaki tanpa mengira perasaan wanita sendiri. Menurut Tengku Nur Fadzilah et al (2015) seramai 58.9

peratus daripada 316 mangsa keganasan rumah tangga di Malaysia melaporkan diperlakukan secara kasar dalam hubungan seksual. Menurut Norasikin (2002) pula seramai 12 dari 370 pesakit wanita yang menerima rawatan di Jabatan Pesakit Luar Hospital Pontian mengaku pernah mengalami penderaan seksual dalam rumah tangga.

Keganasan ekonomi dilihat sebagai satu bentuk keganasan berdasarkan perubahan struktur jantina. Keganasan ini terjadi apabila pendera mulai membuat kawalan penuh ke atas sumber ekonomi keluarga. Keganasan ekonomi dilihat sebahagian daripada corak tingkah laku yang mengganggu keupayaan pasangan untuk memperoleh, menggunakan dan mengekalkan sumber ekonomi sehingga mengancam keselamatan ekonomi dan keupayaan diri (Gibbs et al 2014). Menurut Van Wijk (2012) wanita yang hidup dalam kemiskinan dipengaruhi oleh keganasan. Selain itu, wanita yang bergantung atau terpaksa bergantung terutama kepada sumber ekonomi pasangan lebih berisiko untuk dianiaya atau dieksploitasi dan kurang cenderung untuk meninggalkan pasangan (Bornstien 2006). Sesetengah pasangan pula, dikawal, dieksploitasi atau disabotaj sumber ekonomi individu termasuk pekerjaan (Postmus et al 2016). Anderberg et al (2015) mendapati terdapat juga pasangan menggunakan kuasa yang dimiliki dengan melarang pasangannya untuk mendapatkan pekerjaan walaupun untuk memperbaiki keadaan ekonomi atau kewangan keluarga. Weston (2016) menyatakan wanita yang tidak mempunyai pendapatan juga menghadapi cabaran besar dalam mencari nafkah untuk diri sendiri dan anak-anak mereka. Oleh itu, wanita sekurang-kurangnya perlu mendapatkan sumber ekonomi bagi mengelakkan keganasan rumah tangga (Hederos & Stenberg 2019). Ini kerana, wanita yang mempunyai sumber kewangan yang cukup lebih mudah untuk mencari keselamatan dan mendapatkan kebebasan daripada pasangan mereka.

Berdasarkan kepada model *power and control* yang diperkatakan oleh Pence dan Paymar (1993) kuasa dan kawalan yang terdapat di tengah roda adalah untuk mewakili kepelbagaian penderaan, intimidasi dan paksaan yang digunakan oleh pendera bagi memastikan pasangannya tunduk dan takut. Wanita tidak mampu untuk bergerak bebas akibat pembentukan corak kawalan oleh pasangan. Terdapat lapan corak tindakan yang digunakan untuk membezakan setiap tindakan yang diambil untuk seseorang mengawal atau menguasai pasangannya. Keadaan turut diperkuat dengan keganasan fizikal dan seksual di bahagian luar roda. Namun begitu, tingkah laku ganas ini tidak berlaku sepanjang masa. Kadang kala mereka tetap baik dan penyayang, terutama ketika dalam keadaan yang baik (meminta maaf).

KAEDAH KAJIAN

Kajian mengenai tahap pengetahuan masyarakat di Ipoh, Perak dijalankan menggunakan reka bentuk kuantitatif melalui kaedah tinjauan. Kaedah tinjauan adalah cara yang terbaik untuk mendapatkan maklumat atau data asli daripada populasi yang besar melalui pengedaran borang soal selidik. Ini kerana melalui kaedah tinjauan, pengkaji dapat memperihal tentang aliran, sikap atau pendapat dan kelakuan atau watak berdasarkan kepada sampel atau populasi kajian (Creswell & Creswell 2018). Oleh itu, kaedah tinjauan ini dianggap penting dalam membantu pengkaji untuk memahami permasalahan yang kompleks dalam konteks yang luas di samping memudahkan proses mengumpul, menganalisis dan menginterpretasikan data.

Bagi kajian ini, sampel iaitu responden dipilih secara rawak untuk menjawab soal selidik dalam mengumpul maklumat yang diperlukan. Menurut Neumayer dan Plumper (2017) sampel boleh di pilih atau dilakukan secara rawak. Chua (2016) pula menyatakan persampelan rawak mudah merupakan satu proses yang menggunakan individu dalam populasi di mana semua individu berpotensi untuk menjadi sampel kajian. Melalui teknik persampelan ini juga,

pengkaji mampu memilih sampel yang ingin dikaji bagi memenuhi objektif kajian. Ini kerana, mereka mempunyai kebarangkalian yang sama untuk dipilih sebagai sampel kajian. Bagi menjadi sampel rawak sempurna, semua aspek yang termasuk dalam populasi perlu mempunyai kebarangkalian yang sama untuk ditarik ke dalam sampel. Seramai 200 orang responden lelaki atau perempuan yang telah berkahwin telah dipilih sebagai sampel kajian dengan menggunakan teknik persampelan rawak mudah.

Pengkaji telah menyediakan satu set soalan untuk diberikan kepada pasangan yang sudah berkahwin. Teknik ini digunakan bagi memastikan maklumat yang diperolehi dapat menjawab persoalan serta mencapai objektif kajian kerana item-item di dalam soal selidik adalah berdasarkan pengetahuan responden sendiri. Creswell dan Creswell (2018) menyatakan soal selidik merupakan cara yang paling berkesan dalam pengumpulan data kajian. Menurut Jameel dan Majid (2018) soal selidik merupakan satu set yang dibentuk secara khusus untuk mengumpul maklumat secara sistematik menggunakan soalan berstruktur atau terbuka bertujuan untuk dianalisis bagi menjawab persoalan kajian. Secara umumnya, soal selidik merupakan instrumen yang paling praktikal dan berkesan bagi mendapatkan maklumat terutama apabila melibatkan populasi yang besar.

Tahap pengetahuan keganasan rumah tangga telah diukur berdasarkan kepada 15 item. Skala likert telah digunakan dan bersesuaian dengan pernyataan dalam konteks pengetahuan iaitu (1) sangat tidak setuju sehingga skala (5) sangat setuju. Metod ini dirangka bagi membantu responden menjawab soalan-soalan yang telah disediakan oleh pengkaji. Data yang diperolehi melalui soal selidik dikumpul, dikodkan dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 22. Sebelum analisis dijalankan, data disaring terlebih dahulu bagi mendapatkan data yang tepat. Penyaringan adalah bertujuan untuk mengenal pasti data ralat yang timbul akibat kegagalan responden dalam menjawab soal selidik yang diberikan. Kesemua data yang dikumpul dimasukkan ke dalam SPSS.

Pengkaji menggunakan statistik deskriptif untuk menganalisis data. Menurut Hussain (2012) teknik statistik deskriptif digunakan dengan cara menggambarkan data yang terkumpul tanpa membuat sebarang kesimpulan umum. Sekaran dan Bougie (2016) menyatakan bahawa statistik deskriptif dijalankan bertujuan untuk menerangkan secara logik dalam memahami fenomena yang dikaji. Analisis deskriptif memperincikan ciri-ciri pembolehubah yang menunjukkan kekerapan, peratusan, nilai purata, sisihan piawai, median dan julat yang mana memberi gambaran yang lebih jelas berdasarkan demografi responden. Bagi melihat tahap pengetahuan responden mengenai keganasan rumah tangga, pengkaji telah menggunakan min dan sisihan piawai dan merujuk kepada pengukuran skor min dan interpretasi yang digunakan oleh Pallent (2007) seperti dalam Jadual 1. Menurut Caldwell (2012) penggunaan Min bertujuan untuk menganggarkan tahap sesuatu perkara dengan merujuk min skor responden kajian berdasarkan kepada tahap pengetahuan responden terhadap isu yang dikaji. Sisihan piawai pula merupakan salah satu item yang digunakan untuk menggambarkan sukatan serakan bagi menertukan corak taburan skor. Sisihan piawai sering dilaporkan bersama nilai min bagi mengetahui corak taburan data serta untuk justifikasi terhadap nilai min yang dilaporkan (Yusri Ibrahim 2010). Sekiranya nilai sisihan piawai adalah besar, maka skor adalah bertabur jauh daripada min skor dan jika nilai sisihan piawai adalah kecil, maka skor bertabur dekat daripada min skor.

Jadual 1: Pengukuran Skor Min dan Interpretasi

Skor min	Interpretasi (tahap)
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.66	Sederhana
3.67-5.00	Tinggi

Sumber: Pallent (2007)

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 2 menunjukkan tahap pengetahuan masyarakat mengenai keganasan rumah tangga berada di tahap yang tinggi iaitu nilai Min 3.72 dan nilai sisihan piawai 0.91. Item ini adalah untuk melihat sejauhmana tahap pengetahuan isu keganasan rumah tangga. Keganasan rumah tangga yang dimaksudkan adalah seperti tindakan keganasan yang dilakukan oleh pasangan samada dalam bentuk ekonomi, emosi, seksual dan fizikal. Terdapat 15 item yang telah dianalisis menggunakan kaedah deskriptif. Sebanyak 10 item berada di tahap yang tinggi manakala 5 item berada di tahap sederhana. Hal ini telah menunjukkan bahawa responden yang terlibat dalam kajian ini mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi.

Jadual 2 menunjukkan min yang paling tinggi ialah item 1 dan 2 iaitu 4.19 dan sisihan piawai 0.73 “Keganasan rumah tangga adalah mengenai kuasa dan kawalan” dan min 4.19 dan sisihan piawai 0.70 “Keganasan rumah tangga ialah corak keganasan, penderaan, ugutan yang digunakan untuk mengawal atau mengekalkan kuasa keatas pasangan yang sedang atau dalam hubungan intim”. Bagi item 3 “keganasan rumah tangga termasuk keganasan emosi dan lisan” mencatat min sebanyak 4.10 dan sisihan piawai 0.71. Seterusnya, bagi item 4 “keganasan rumah tangga ialah keganasan fizikal yang menyebabkan kemudaratn pada anggota badan” mencapai min 4.08 dan sisihan piawai 0.75.

Item 5 iaitu “keganasan rumah tangga termasuklah keganasan seksual” ialah min 3.98 dan sisihan piawai 0.73. Bagi item 6, “keganasan bermula daripada keganasan emosi diikuti keganasan fizikal” min 3.84 dan sisihan piawai 1.17. Item 7 dan 8 pula mencatat min yang sama iaitu min 3.82 “keganasan rumah tangga seringkali berlaku kepada pasangan yang telah lama mendirikan rumah tangga” dan “keganasan rumah tangga seringkali berlaku terhadap pasangan yang baru mendirikan rumah tangga”. Bagi item 7, nilai min 3.82 dan sisihan piawai 0.91 manakala bagi item 8 min 3.82 dan sisihan piawai 0.85. Item 9 “Keganasan rumah tangga adalah mengancam dengan keganasan walaupun bukan dengan keganasan fizikal sebenar” mencatat min sebanyak 3.80 dan sisihan piawai 0.87”. Min bagi item 10 “seseorang yang melakukan keganasan fizikal kepada pasangannya adalah “pesakit mental” pula ialah sebanyak 3.76 dan sisihan piawai 0.76. Item 11 “mangsa yang terlibat dalam keganasan rumah tangga tidak menghiraukan keselamatan anak-anak mereka” mencatatkan min sebanyak 3.53 dan sisihan piawai 1.07.

Seterusnya, tahap pengetahuan keganasan rumah tangga yang berada pada tahap sederhana ialah item 12 “keganasan secara sengaja dengan meletakkan mangsa didalam ketakutan” mencatatkan min sebanyak 3.49 dan sisihan piawai 1.09, item 13 “mengurung atau menahan tanpa kerelaan adalah dikategorikan sebagai keganasan rumah tangga” mencatatkan min sebanyak 3.40 dan sisihan piawai 1.06. Bagi item 14 “keganasan rumah tangga termasuklah melakukan khianat atau merosakkan harta dengan niat menyebabkan kesedihan atau kegusaran” mencatatkan min sebanyak 3.01 dan sisihan piawai 1.13. Pengetahuan bagi

pernyataan “keganasan rumah tangga seringkali berlaku di Malaysia” bagi item 15 membawa min sebanyak 2.91 dan sisihan piawai 1.14.

Jadual 2: Tahap Pengetahuan Mengenai Keganasan Rumah Tangga

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Keganasan rumah tangga adalah mengenai kuasa dan kawalan.	4.19	0.73	Tinggi
2	Keganasan rumah tangga ialah corak keganasan, penderaan, ugutan yang digunakan untuk mengawal atau mengekalkan kuasa keatas pasangan yang sedang atau dalam hubungan intim.	4.19	0.70	Tinggi
3	Keganasan rumah tangga termasuk keganasan emosi dan lisan.	4.10	0.71	Tinggi
4	Keganasan rumah tangga ialah keganasan fizikal yang menyebabkan kemudaratan pada anggota badan.	4.08	0.75	Tinggi
5	Keganasan rumah tangga termasuklah keganasan seksual	3.98	0.73	Tinggi
6	Keganasan bermula daripada keganasan emosi diikuti keganasan fizikal.	3.84	1.17	Tinggi
7	Keganasan rumah tangga seringkali berlaku kepada pasangan yang telah lama mendirikan rumah tangga.	3.82	0.91	Tinggi
8	Keganasan rumah tangga seringkali berlaku terhadap pasangan yang baru mendirikan rumah tangga.	3.82	0.85	Tinggi
9	Keganasan rumah tangga adalah mengancam dengan keganasan walaupun bukan dengan keganasan fizikal sebenar.	3.80	0.87	Tinggi
10.	Seseorang yang melakukan keganasan fizikal kepada pasangannya adalah “pesakit mental”.	3.76	0.76	Tinggi
11.	Mangsa yang terlibat dalam keganasan rumah tangga tidak menghiraukan keselamatan anak-anak mereka.	3.53	1.07	Sederhana
12	Keganasan rumah tangga adalah keganasan secara sengaja dengan meletakkan mangsa didalam ketakutan.	3.49	1.09	Sederhana
13	Mengurung atau menahan tanpa kerelaan adalah dikategorikan sebgai keganasan rumah tangga.	3.40	1.06	Sederhana
14	Keganasan rumah tangga termasuklah melakukan khianat atau merosakkan harta dengan niat menyebabkan kesedihan atau kegusaran.	3.01	1.13	Sederhana
15	Keganasan rumah tangga seringkali berlaku di Malaysia.	2.91	1.14	Sederhana
		3.72	0.91	Tinggi

Jadual 2 di bawah memperihal dapatan yang diperoleh daripada maklum balas responden terhadap pengetahuan atau pemahaman tentang isu keganasan rumah tangga. Analisis adalah berdasarkan pada 15 item sepertimana yang dikemukakan. Responden dibenarkan untuk menyatakan tentang sejauhmana kefahaman atau pengetahuan mereka tentang isu yang dinyatakan. Responden diberi pilihan untuk memilih pernyataan yang dinyatakan sebagai suatu keganasan dalam kehidupan berumah tangga atau sebaliknya. Secara keseluruhannya, tahap pengetahuan responden terhadap keganasan rumah tangga adalah pada tahap yang tinggi.

Keganasan rumah tangga adalah di antara masalah sosial yang sering berlaku di Malaysia. Tetapi kebanyakan masyarakat masih lagi menganggap perkara ini masih perlu dirahsiakan. Webster et al (2014) menyatakan bahawa pemahaman terhadap keganasan dan perilaku keganasan terhadap wanita mempunyai kesan yang signifikan terhadap keganasan rumah tangga. Pengetahuan secara konseptualnya dibezakan melalui sikap (Webster et al

2014). Ini kerana, sikap dan tahap pengetahuan wanita yang rendah mengenai hak mereka dalam undang-undang merupakan faktor utama terhadap masalah ini (Lenze & Klasen 2016). Manakala persekitaran pula bertindak sebagai konteks di mana penerimaan sikap keganasan yang boleh dipelajari (Cao et al 2016). Keganasan rumah tangga sering timbul disebabkan tiada keharmonian dan persefahaman dalam rumah tangga oleh pasangan suami isteri. Seterusnya, sikap panas baran juga adalah antara punca keganasan rumah tangga. Hal ini mendorong mereka bertindak menggunakan kekerasan terhadap anak-anak dan isteri kerana mereka gagal mengawal emosi dan perasaan. Jika perkara sedemikian dilakukan juga, maka pertengkaran yang lebih serius akan berlaku antara suami dengan isteri yang mendorong suami memukul isterinya (Wells et al 2003). Oleh itu, setiap pasangan harus memiliki sikap tolak ansur antara satu sama lain. Mereka harus saling memahami bebanan atau masalah yang ditanggung oleh pasangan.

Menurut Nancarrow et al (2012) kesedaran dan pengetahuan mengenai keganasan rumah tangga adalah berbeza mengikut jantina. Kebanyakan wanita kurang pengetahuan mengenai keganasan rumah tangga dan lalai dalam pelbagai jenis pengetahuan. Ramsay et al (2012) menyatakan salah satu sebab wanita sering mengalami keganasan adalah kerana kurang kesedaran mengenai keganasan dan kurang berpengetahuan tentang hak-hak yang boleh dituntut. Pengetahuan mengenai keganasan rumah tangga adalah bergantung kepada tahap pendidikan seseorang. Sprague et al (2012) berpendapat bahawa halangan yang paling kerap dilaporkan adalah kekangan masa, kekurangan pengetahuan, pendidikan atau latihan mengenai saringan penyalahgunaan dan sumber yang tidak mencukupi serta kakitangan sokongan untuk membantu mangsa. Kajian Rothman et al (2015) mendapati bahawa halangan dalaman seperti emosi, sikap, pengetahuan dan kesedaran mereka tentang masalah keganasan rumah tangga adalah penghalang bagi mangsa keganasan untuk mencari jalan keluar bagi masalah ini. Oleh itu, pendidikan yang membincangkan tentang keganasan dan hak individu dalam masyarakat mampu mengurangkan keganasan terhadap wanita (Ekhtiari et al 2014).

Nor Aini (2006) menyatakan menyebarkan kesedaran dan pengetahuan tentang undang-undang keganasan rumah tangga kepada orang ramai adalah hal yang penting. Sesetengah masyarakat masih melihat keganasan rumah tangga bukan sebagai suatu kesalahan jenayah. Malah, terdapat segelintir daripada mereka tidak tahu bahawa mereka ialah mangsa keganasan. Malah, kebanyakan wanita tidak mengetahui hak-hak mereka dalam rumah tangga. Kajian oleh Babovic et al (2013) dalam kajian "*Research of the Agency for Gender Equality of Bosnia and Herzegovina*" mendapati seramai 58.4% wanita yang hadir tidak sedar mereka adalah mangsa keganasan fizikal dan seramai 5.5% sahaja yang bertindak untuk mendapatkan pertolongan dari institusi. Satu kajian yang dilakukan oleh *Ministry of Health and Population (MOHP) Nepal* (2012) berasaskan wanita mendedahkan bahawa lebih 21.0% wanita disalahguna secara emosi, 15.0% mengalami keganasan fizikal dan 16.0% mengalami keganasan seksual oleh pasangan.

Selain itu, Noor Aziah (2012) pula menyatakan secara amnya wanita masih kurang pengetahuan mengenai haknya di sisi undang-undang. Kebanyakan wanita hanya memendam dan menderita daripada berkongsi masalah yang dihadapi tidak kira di tempat kerja atau di dalam keluarga. Menurut kajian yang dilakukan oleh Khosravizadegan et al (2008) wanita yang didera di Iran tidak mendedahkan insiden keganasan mereka kepada orang lain disebabkan rasa malu dan kekurangan pengetahuan tentang mendapatkan bantuan yang sesuai dari penyedia perkhidmatan. Ini bermakna, semakin lama seseorang berada dalam hubungan keganasan, semakin lama mereka mengalami penderitaan. Oleh itu, kajian tentang kekerapan dan sebab mengapa masalah ini masih berlaku dalam kumpulan tertentu yang turut dikenali sebagai "epidemiologi" dianggap penting dalam merancang dan menilai strategi sebagai langkah

percegahan terutama melibatkan keganasan seksual (Butchart et al 2010). Menurut Rothman et al (2015) peranan undang-undang dalam menetapkan norma-norma sosial baru bergantung kepada pemahaman masyarakat secara meluas.

KESIMPULAN

Keganasan rumah tangga berkait secara langsung dengan status dan peranan individu dalam keluarga. Fakta tentang jurang perbezaan jantina dalam sebuah perkahwinan menyebabkan ketidaksamaan peranan dan tanggungjawab antara lelaki dan perempuan. Meskipun pengetahuan masyarakat berhubung isu keganasan rumah tangga adalah tinggi, tetapi kes yang dilaporkan kepada pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) juga meningkat saban tahun. Malahan, kes perceraian di Malaysia juga turut mencatatkan peningkatan. Tanpa pendidikan, masalah keganasan rumah tangga sukar untuk ditangani. Ini kerana, pengetahuan dan sikap bukan satu-satunya kriteria yang diambil kira dalam menentukan tindakan seseorang. Tambahan pula, dalam masyarakat patriarki, wanita telah disosialisasikan untuk mendiamkan pengalaman mereka, mengajar mereka untuk menerima, bertoleransi dan membenarkan keganasan berlaku. Oleh itu, isu tentang keganasan rumah tangga perlu diambil perhatian oleh semua pihak, tidak kira individu, keluarga, masyarakat, kerajaan, NGO dan lain-lain. Semangat dan sokongan daripada mereka dapat membantu individu yang terlibat dalam keganasan bangkit untuk melawan keganasan. Campur tangan daripada pelbagai pihak dan kerjasama daripada mangsa keganasan adalah penting untuk mengurangkan kes keganasan rumah tangga.

RUJUKAN

- Anderberg, D., Rainer, H., Wadsworth, J., & Wilson, T. (2015). Unemployment and domestic violence: Theory and evidence. *The Economic Journal*, 126 (597), 1947-1979.
- Babovic, M., Pavlovic, O., Ginic, K., Karadinovic, N. (2013). Study of prevalence of violence against women in Bosnia and Herzegovina. *The Agency for Gender Equality of Bosnia and Herzegovina*.
- Bornstein, R. F. (2006). The complex relationship between dependency and domestic violence: Converging psychological factors and social forces. *American Psychologist*, 61(6), 595.
- Butchart, A., Garcia-Moreno, C., & Mikton, C. (2010). Preventing intimate partner and sexual violence against women: Taking action and generating evidence. Geneva, World Health Organization.
- Caldwell, S. (2012). *Statistics unplugged*. Wadsworth: Cengage Learning.
- Cao, Y., Li, L., Zhao, X., Zhang, Y., Guo, X., Zhang, Y., & Luo, X. (2016). Effects of exposure to domestic physical violence on children's behavior: a Chinese community-based sample. *Journal of child & adolescent trauma*, 9(2), 127-135.
- Chua, Y. P. (2016). *Mastering research methods (2nd Ed)*. McGraw-Hill education
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. Sage publications.
- Dewan Negara. (2017). *Parlimen Ketiga Belas, Penggal Kelima*. Malaysia.
- Ekhtiari, Y. S., Shojaeizadeh, D., Foroushani, A. R., Ghofranipour, F., & Ahmadi, B. (2014). Effect of an intervention on attitudes towards domestic violence among Iranian girls. *Health*, 1, 2.

- Elabani, S. M. (2015). Attitudes to and perceptions of domestic violence against women in an Arab community: a case study of Libyan migrants in the UK. Ph.D Dissertation, Manchester Metropolitan University.
- Fiore Lerner, C., & Kennedy, L. T. (2000). Stay-Leave Decision Making in Battered Women: Trauma, Coping and Self-Efficacy. *Cognitive Therapy and Research*, 24, 215-232.
- Flury, M., & Nyberg, E. (2010). Domestic violence against women: definitions, epidemiology, risk factors and consequences. *Swiss medical weekly*, 140(3536).
- Gibbs, A., Sikweyiya, Y., & Jewkes, R. (2014). 'Men value their dignity': securing respect and identity construction in urban informal settlements in South Africa. *Global health action*, 7(1), 23676.
- Hausmann, R., Tyson, L. D., & Zahidi, S. (2011). The global gender gap report 2011: Rankings and scores. In *Geneva: World Economic Forum: World Economic Forum*.
- Hederos, K., & Stenberg, A. (2019). Gender identity and relative income within households-evidence from Sweden. Swedish Institute for Social Research (SOFI)
- Hussain, M. (2012), "Descriptive statistics –presenting your results I", *The Journal of the Pakistan Medical Association*, Vol. 62 No. 7, p. 741.
- Hwang, Y. (2017). What Is the Cause of Graduates' Unemployment? Focus on Individual Concerns and Perspectives. *Journal of Educational Issues*, 3(2), 1-10.
- Jameel, B., & Majid, U. (2018). Research fundamentals: Data collection, data analysis, and ethics. *Undergraduate Research in Natural and Clinical Science and Technology Journal*, 2, 1-8.
- Khaironisak, H., Zaridah, S., Hasanain, F. G., & Zaleha, M. I. (2017). Prevalence, risk factors, and complications of violence against pregnant women in a hospital in Peninsular Malaysia. *Women & health*, 57(8), 919-941.
- Khosravizadegan, F., Azizi, F., Khosravizadegan, Z., & Morvaridi, M. (2008). Domestic violence against women in Bushehr province. *European Psychiatry*, 23, S276.
- Lenze, J., & Klasen, S. (2016). Does women's labor force participation reduce domestic violence? Evidence from Jordan. *Feminist Economics*, 23(1), 1-29.
- McCue, M. L. (2008). *Domestic Violence: A Reference Handbook*. Santa Borbara, California: Abc-Clio.
- Ministry of Health and Population (MOHP) [Nepal], New ERA, and ICF International Inc. (2012). *Nepal Demographic and Health Survey 2011*. Kathmandu, Nepal.
- Nancarrow, H., Hanley, C. & Viljoen, R. 2012. *Domestic and family violence: awareness, attitudes and experiences*.
- Neumayer, E., & Plumper, T. (2017). *Robustness tests for quantitative research*. Cambridge University Press.
- Noor Aziah, M. A., (2012). "Pembelaan Hak Wanita Melalui Undang-undang di Malaysia, slide wacana Hadhari Siri Keempat" <https://www.ukm.my/hadhari/sites>.
- Nor Aini, A. (2006). *Peranan Undang-Undang Keluarga Ke Arah Pencegahan Keganasan Rumah Tangga: Akta Keganasan Rumah Tangga 1994*. Fakulti Undang-Undang: Universiti Malaya.
- Norasikin, M. (2002). Domestic violence towards women: prevalence and the factors associated with it among women at outpatient department. *Malaysian Journal of Public Health Medicine*, 2(1).
- NurFadhilah, Y. (2014). Kesan emosi yang dihadapi oleh wanita yang bercerai akibat keganasan rumah tangga: Satu kajian di negeri Johor. *Jurnal penyelidikan yang tidak diterbitkan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Oluremi, F. D. (2015). Domestic "Violence Against Women In Nigeria.". *European Journal of*

- Psychological Research, 2(1).
- Othman, S., Goddard, C., & Piterman, L. (2014). Victims' barriers to discussing domestic violence in clinical consultations: A qualitative enquiry. *Journal of Interpersonal Violence*, 29(8), 1497-1513.
- Pallant, J. (2007). *SPSS Survival Manual: A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS for Windows*. (3rd Ed). McGraw Hill Open University Press, New York.
- Pence, E., & Paymar, M. (1993). *Education groups for men who batter: The Duluth model*. Springer Publishing Company.
- Postmus, J. L., & Hahn, S. A. (2007). The collaboration between welfare and advocacy organizations: Learning from the experiences of domestic violence survivors. *Families in Society*, 88(3), 475-484.
- Postmus, J. L., Plummer, S. B., & Stylianou, A. M. (2016). Measuring economic abuse in the lives of survivors: Revising the Scale of Economic Abuse. *Violence against women*, 22(6), 692-703.
- Ramsay, J., Rutterford, C., Gregory, A., Dunne, D., Eldridge, S., Sharp, D., & Feder, G. (2012). Domestic violence: knowledge, attitudes, and clinical practice of selected UK primary healthcare clinicians. *Br J Gen Pract*, 62(602), e647-e655.
- Randawar., D. K., & Jayabalan, S. (2018). The Definition of Domestic Violence in Malaysia: A Cross-National Comparison. *Akademika* 88(3), 77-89.
- Roberts, D. C. (2018). *Child contact, domestic violence, and family law in Australia*. Ph. D Dissertation: Univesity of Adelaide.
- Rothman, E., Bair-Merritt, M., & Tharp, A. (2015). Beyond the individual level: Novel approaches and considerations for multilevel adolescent dating violence prevention. *American Journal of Preventive Medicine*, 49, 445-447.
- Saffari, M., Arslan, S. A., Yekaninejad, M. S., Pakpour, A. H., Zaben, F. A., & Koenig, H. G. (2017). Factors associated with domestic violence against women in Iran: An exploratory multicenter community-based study. *Journal of interpersonal violence*, 0886260517713224.
- Sanderson, C. (2008). *Counselling survivors of domestic abuse*. Jessica Kingsley Publishers.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2016). *Research methods for business: A skill building approach*. United Kingdom: John Wiley & Sons.
- Siemieniuk, R. A., Krentz, H. B., Gish, J. A., & Gill, M. J. (2010). Domestic violence screening: prevalence and outcomes in a Canadian HIV population. *AIDS patient care and STDs*, 24(12), 763-770.
- Slabbert, I., & Green, S. (2013). Types of domestic violence experienced by women in abusive relationships. *Social Work*, 49(2):234-247.
- Sprague, S., Madden, K., Simunovic, N., Godin, K., Pham, N. K., Bhandari, M., & Goslings, J. C. 2012. Barriers to screening for intimate partner violence. *Women & Health*, 52(6), 587-605.
- Tengku Nur Fadzilah, T. H., Siti Hawa, A., & Halim, S. (2015). Patterns of help-seeking among women experiencing intimate partner violence in Malaysia. *Asian Journal of Women's Studies*, 21(1), 77-92.
- Tonsing, J. (2014). *A study of domestic violence among south Asian women in Hong Kong*. Ph. D Dissertation, Royal Holloway, University of London.
- Van Wijk, N. P. L. (2012). *Domestic violence by and against men and women in Curaçao: A Caribbean study*. Amsterdam, The Netherlands: Vrije Universiteit.
- Webster, K., Pennay, P., Bricknall, R., Diemer, K., Flood, M., Powell, A., Politoff, V., & Ward, A. (2014). *Australians' attitudes to violence against women: Full technical report*,

- Findings from the 2013 National Community Attitudes towards Violence Against Women Survey (NCAS). Melbourne: Victorian Health Promotion Foundation.
- Weiss, K. G. (2009). "Boys will be boys" and other gendered accounts: An exploration of victims' excuses and justifications for unwanted sexual contact and coercion. *Violence Against Women*, 15(7), 810-834.
- Wells, M., Brack, C. J., & McMichen, P. J. (2003). Women and depressive disorders. In M. Kopala & M. A. Keitel (Eds.), *Handbook of counseling women* (p. 429–457). Sage Publications, Inc. <https://doi.org/10.4135/9781452229546.n27>
- Weston, C. W. 2016. Why doesn't she leave? civil protection orders for low-income women facing economic abuse. *Poverty Seminar*. Washington & Lee University School Of Law
- World Health Organization. 2017. Violence against Women. <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/violence-against-women>
- Yusoff, R. C. S. (2010). The cultural and legal perspectives on wife battering in Malaysia. *The Law Review*, 613-622.
- Yusri Ibrahim, M. (2010). *Analisis Data Penyelidikan/ Pendidikan & Sains Sosial*. Kuantan: Bandar Ilmu.
- Zabihzadeh, S., Hashim, R. S., & Wei, G. C. C. C. (2015). Domestic Violence against Women in Atiq Rahimi's *The Patience Stone*. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 15(3).

MAKLUMAT PENULIS

NURUASLIZAWATI AYOB

Universiti Sultan Zainal Abidin
ayobnuruaslizawati@gmail.com

SITI HAJAR ABDUL RAUF

Universiti Sultan Zainal Abidin
hajarrauf@unisza.edu.my

NURWAHIDATUL AULA AHMAD SAZALI

Universiti Sultan Zainal Abidin
aulaasazali@gmail.com